

15/10/2000

Menteri terlena nyanyian pegawai sukan

Razali Yahya

`SEKALIPUN terdapat tuduhan dan teguran berhubung kegagalan kontinjen negara memenangi sebarang pingat di Sydney, tetapi pencapaian mereka keseluruhan harus dibanggakan. Ini kerana, kita dapati prestasi atlit meningkat jika dibandingkan atlit negara Asia dan Asia Tenggara lain' - Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Hussein.

`Kita tidak kecewa, sebaliknya puas hati sekalipun kontinjen kali ini pulang dengan tangan kosong. Secara realiti hanya badminton menjadi satu-satu acara dipertaruhkan untuk meraih pingat, tapi mereka gagal' - Pemangku Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Zaki Abdul Rahman.

`Majlis Olimpik Malaysia (MOM) membuat rumusan awal bahawa persembahan atlit negara pada Sukan Olimpik Sydney 2000 adalah memuaskan sekalipun gagal memenangi sebutir pingat di temasya itu' - Setiausaha MOM, Siah Kok Chi.

Inilah bunyi tiga petikan `keramat' yang dihamburkan secara senada, yang bermula dengan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin, kemudian pemangku Ketua Pengarah MSN, Zaki Abdul Rahman dan terbaru oleh Setiausaha MOM, Siah Kok Chi.

Tanpa ada rasa was-was dan ketika rakyat Malaysia terus mempersoalkan pencapaian kontinjen negara di Sukan Olimpik baru-baru ini; ketiga-tiga `orang kuat' sukan kebangsaan itu membuat kejutan sebaliknya. Mereka dengan nada yang sama telah melahirkan rasa puas hati dengan persembahan pasukan negara sepanjang sukan berprestij itu.

Melihatkan kepada gelagat pegawai-pegawai sukan negara itu, jauh di sudut hati kita terus berdetik: "Puas hati dengan pencapaian kontinjen negara... Memang menghairankan. Apakah dengan sekadar memperbaiki kedudukan, kita anggap ia satu kejayaan membanggakan? Inilah susahnya kalau pegawai-pegawai tertinggi sukan kebangsaan kita terus disempitkan oleh pemikiran sekadar untuk memperbaiki pencapaian.

Sebab itulah, baik pegawai kementerian, turun kepada MSN, selepas itu MOM, kemudian kepada persatuan gabungan dan seterusnya menjalar kepada ahli sukan negara; mereka semacam sudah `menetapkan' di fikiran masing-masing bahawa sekadar mahu memperbaiki kedudukan dan pencapaian lalu. Inilah yang kerap menjadi sasaran mereka dalam kebanyakan sukan antarabangsa.

Kalau tidak percaya, tanyalah rakan wartawan yang membuat liputan sukan kebangsaan yang lain. Bila tanya pegawai sukan, macam mana peluang... Maka jawapan biasa yang kita dengar tidak lain dan tidak bukan ialah peluang menang pingat memang payah tapi kita target mahu baiki pencapaian atau baiki rekod kebangsaan. Ini gambaran awal yang menjadi `inti pati' yang sudah tertanam dalam fikiran pegawai-pegawai ataupun ahli sukan negara.

Bayangkanlah, kalau dari awal lagi pegawai sukan sendiri sudah membuat `nyanyian' sebegini, maka secara logiknya atlit-atlit di bawah pengawasannya tentu akan berbuat nada yang sama. Natiyahnya cukup mudah dan semua orang tahu masakan mereka akan membawa pulang pingat sebagaimana pada Sukan Olimpik baru-baru ini.

Inilah penyakit sikap dan pemikiran yang sukar kita hendak ubah kerana pendekatan ini sudah semacam sebatu dalam benak mereka. Nampaknya pegawai-pegawai sukan dan ahli sukan kebangsaan masih terus lena dibuai mimpi yang menyaksikan sukan negara akan terus tertinggal. Apa, mereka ingat kita kini di zaman apa?. Kita kini bukan lagi berada pada abad ke-19 yang sudah kita tinggalkan kira-kira sembilan bulan yang lalu.

Sedarlah... Kita kini berada di tahun pertama alaf baru iaitu abad ke-20. Sepatutnya pada alaf baru ini, hala tuju negara sudah difokuskan untuk meletakkan negara terus maju dalam segala bidang. Dan inilah yang dipandukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Wawasan 2020 yang diwarwarkan sebelum memasuki abad ke-20 lagi.

Dr Mahathir sudah membuka jalan dan memandu kita untuk maju dalam segala bidang sebelum negara memasuki abad ke-20 beberapa tahun yang lalu. Ianya memang menyedihkan, kalau pegawai-pegawai sukan kebangsaan masih terus menganggap memperbaiki kedudukan itu satu kejayaan membanggakan. Sesungguhnya, sukan negara amat malang memiliki pegawai-pegawai seumpama itu. Dalam sukan perkiraannya terlalu mudah iaitu menang atau kalah, dapat pingat atau pulang tangan kosong.

Dalam hal ini, kita mengimbau kembali semasa belajar di Universiti Malaya yang lalu. Sikap kebanyakan pelajar Melayu khususnya yang sinonim dengan perkataan 'cukup makan' dalam setiap peperiksaan semesta. Jadi, disebabkan sering dimomokkan dengan perkataan demikian, maka kita juga sudah tahu apa pencapaian 'budak Melayu' yang sebangsa dengan kita bila hari konvokesyen, yang sekali gus menyaksikan bangsa lain menyapu bersih kedudukan teratas.

Sikap kebanyakan pelajar dengan konsep 'cukup makan' di kebanyakan universiti tempatan itu, lebih kurang sama dengan pendekatan sukan kebangsaan kita. Sebab itulah, bila Menteri Sukan sendiri turut terjun sama terlena dengan nada pegawai-pegawai sukan di bawahnya, ia memang pelik bin ajaib. Kita kini sudah sembilan bulan melepasi ambang abad 20. Jadi, kalau pencapaian sukan kita tidak seiring dengan perubahan yang dikehendaki oleh Dr Mahathir, memanglah malang dan sukan negara akan terus tertinggal.

Dulu, bila Dr Mahathir memulakan langkah beberapa perubahan terhadap negara ini, maka bertubi-tubilah ideanya itu dikutuk dan dikecam oleh pelbagai pihak terutamanya pembangkang. Pembangkang ini pun satu lagi cerita. Apa yang dibuat oleh kerajaan semua salah. Tidak ada yang baik di kaca mata mereka. Inilah sayangnya, kalau pemikiran sempit itu terus tertanam di benak mereka dan menolak perubahan yang dibawa oleh kerajaan. Sikap inilah yang tidak wajar diteladani oleh pegawai-pegawai sukan kebangsaan. Ubahlah sikap dan sedarlah bahawa kita kini berada pada abad 20.

Macam buat lebu rayu jugalah. Kita lihat rakyat negara ini terutamanya si pembangkang. Mereka bantai cukup-cukup dan kata projek mega itu satu pembaziran. Bagi mereka ini satu beban yang harus ditentang. Apa, mereka ingat buat lebu rayu guna 'air liur' ke? Tentulah kita kena bayar sikit bila kita guna lebu rayu berkenaan. Dengan adanya lebu rayu, perjalanan lebih pantas, dekat dan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas. Kalau tidak mahu guna, kita masih boleh guna jalan lama. Tapi, apa yang kita lihat hari ini, merekalah yang lebih kerap guna lebu rayu.

Dalam hal ini, kalau tidak kuat semangat, mungkin kehidupan rakyat Malaysia sekarang masih macam tahun-tahun 60an dan 70an. Bagaimanapun, Dr Mahathir mempunyai semangat juang yang cukup kental. Dengan mengambil sikap, biar apa mereka hendak kata, Dr Mahathir tidak lagi menoleh ke belakang dan azamnya sudah bulat iaitu mahu membawa Malaysia terus berubah dan hasilnya apa yang kita lihat hari ini. Malaysia kini diakui dan dihormati di mata dunia. Sekurang-kurangnya Dr Mahathir telah meletakkan kita berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan beberapa negara elit di persada dunia.

Apapun, yang pasti tindak tanduk pembangkang itu samalah dengan kerenah pegawai-pegawai sukan kebangsaan kita yang jelas mahu menjaga kepentingan masing-masing dan bukan untuk kepentingan negara seluruhnya. Maklumlah, mereka tidak mahu kedudukan tergugat. Sebab itulah, walaupun pasukan

negara sudah kalah sekalipun, mereka tetap bertahan dan mengatakan pencapaian memuaskan. Inilah gambaran tiga petikan yang dikemukakan tadi sebagaimana dibuat oleh 'orang kuat' sukan negara kita.

Soalnya sekarang, siapa yang hendak memulakan pembaharuan dalam sukan kebangsaan pada abad ke-20 ini. Kalau kita toleh kiri dan toleh kanan, maka mahu tidak mahu, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin kenalah bersikap proaktif dan bertanggungjawab untuk mengorak melangkah ke arah sukan negara yang lebih cemerlang dan gemilang. Jangan tunggu lama-lama, nanti ketinggalan zaman.

(END)